


JUN Hoong (kanan) dan Pandelela gagal pecah dominasi atlet China dalam acara 10 meter terjun seirama.



TERJUNAN PERAK

■ Penampilan pertama Jun Hoong, Pandelela tuai hasil di Kejohanan Terjun Siri Dunia

Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penampilan pertama Cheong Jun Hoong bersama Pandelela Rinong di Kejohanan Terjun Siri Dunia pertama di Beijing China membawa hasil memberangsangkan apabila mereka meraih perak acara 10 meter terjun seirama.

Bagaimanapun mereka gagal meruntuhkan kekentalan tembok besar China yang menguasai acara itu.

Gandingan yang menghadiahkan perak ketika temasya Sukan Olimpik Rio itu ketinggalan 24.18 mata kepada pasangan China Chang Yani-Ren Qian yang menggumpul 340.26 mata untuk emas.

Gangsa menjadi milik pasangan Korea Utara dengan 313.92 mata.

Jun Hoong dan Pandelela mempamerkan terjunan kemas pada terjunan pertama namun ketinggalan 0.6

mata pada terjunan kedua.

Pasangan China terus mempamerkan aksi konsisten apabila menguasai selesa selepas memasuki terjunan keempat dengan kelebihan 20.34 mata.

Sementara itu impian penerjun muda negara yang baru dinobatkan atlet muda terbaik pada Majlis Anugerah Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM)-100PLUS 2016 Nur Dhabitah Sabri (**gambar**) untuk meraih pingat tidak kesampaian.

Dhabitah yang berpasangan bersama Wendy Ng sekadar menamatkan saingan di kedudukan keenam dalam acara 3m terjun seirama selepas sekadar meraih 268.62 mata dalam acara yang dikuasai penerjun China, Shi Tingmao dan Xu Zhihuan selepas mengumpul 319.20.

Perak milik pasangan Australia Maddison Keeney dan Anabelle Smith (298.68) dan gangsa Kristina Ilinykh Kristina dan Nadezhda Bakhina dari Russia (294.00).

